

KUMPULAN BANK ISLAM MEMBENTUK MASA DEPAN YANG TEGUH DAN INKLUSIF

KUALA LUMPUR, Khamis, [8 Mei 2025]: Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam atau Kumpulan) hari ini mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) ke-42 bertempat di Pusat Konvensyen Sime Darby, Kuala Lumpur. Bertemakan '*Memacu Masa Depan Mampan*', ini merupakan AGM sulung berkonsepkan hibrid yang membabitkan kehadiran fizikal pemegang saham sejak tahun 2019.

Kumpulan turut melancarkan Laporan Impak Sadaqa House 2024, yang merangkumi inisiatif impak mampan yang digerakkan oleh pemacu kewangan sosial Bank Islam yang diiktiraf di peringkat global, Sadaqa House, pada acara tersebut.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Bank Islam, Dato' Mohd Muazzam Mohamed, berkata, "Tahun kewangan kami yang berakhir pada 31 Disember 2024 (TK2024) diakhiri dengan prestasi kukuh, disokong oleh strategi pertumbuhan yang berfokus dan tumpuan yang teguh terhadap kemampanan. Ketika kami terus mengekalkan kedudukan sebagai institusi kewangan patuh Syariah yang berpandangan jauh, kemajuan kami semakin menarik perhatian pelabur runcit dan institusi."

"Dengan asas yang kukuh, hala tuju strategik yang jelas serta tawaran nilai unik yang mengintegrasikan pendapatan, pertumbuhan mampan serta prinsip alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG), Bank Islam menawarkan peluang pelaburan yang menarik dalam sektor perbankan Islam," katanya.

Kumpulan mencatat prestasi kewangan yang kukuh bagi TK2024, dengan merekodkan keuntungan bersih sebanyak RM571.1 juta, peningkatan sebanyak 3.3% berbanding tahun sebelumnya. Pencapaian ini dipacu oleh pendapatan berasaskan dana yang lebih kukuh serta kualiti aset yang bertambah baik. Jumlah aset meningkat kepada RM96.8 bilion, manakala akaun deposit pelanggan dan pelaburan berkembang sebanyak 6.4% kepada RM80.9 bilion, seterusnya mencerminkan keyakinan berterusan daripada pelabur dan pendeposit. Pendapatan bersih berasaskan dana mengukuh sebanyak 5.1%. Ia didorong oleh pulangan yang lebih tinggi daripada sekuriti pelaburan dan portfolio pembiayaan.

Melengkapi pertumbuhan perniagaan yang dicapai, Bank Islam terus memperkasa bidang kewangan sosial sebagai pemacu transformasi dalam pembangunan negara. Menerusi Sadaqa House, Program Pembangunan Usahawan iTEKAD, dan Dana Anak Yatim Sadaqa House, sebanyak RM19.4 juta telah disalurkan sebagai sokongan kewangan yang disasarkan kepada komuniti kurang berkemampuan dan usahawan mikro di seluruh Malaysia pada tahun 2024. Program-program ini membiayai usaha pembangunan kapasiti perniagaan mikro, memenuhi keperluan pendidikan dan penjagaan kesihatan serta membolehkan penyediaan penyelesaian tenaga hijau kepada komuniti terpinggir termasuk nelayan dan masyarakat Orang Asli di Johor. Usaha ini bukan sahaja memupuk keterangkuman kewangan dan memperkasa kehidupan, malah juga memperkukuhkan peranan Bank Islam dalam membentuk ekonomi yang lebih adil, berdaya tahan dan berteraskan nilai.

Sejak mengambil alih status penyenaraian BIMB Holdings Berhad dan menjadi institusi kewangan Islam penuh pertama yang tersenarai di Pasaran Utama Bursa Malaysia pada Oktober 2021, Bank Islam telah mengekalkan pulangan yang konsisten dan mengalakkan kepada para pemegang sahamnya dengan bayaran dividen sebanyak 15.12 sen sesaham

pada tahun 2024, 16.81 sen pada 2023 dan 13.80 sen pada tahun 2022. Langkah itu mencerminkan komitmen Kumpulan terhadap penciptaan nilai yang mampan.

Memacu Masa Depan yang Mampan

“Industri perbankan dan perkhidmatan kewangan Islam sedang berkembang pesat, didorong oleh perubahan jangkaan pelanggan serta kemajuan teknologi yang semakin pantas. Kami mengiktiraf bahawa teknologi adalah pemangkin utama pertumbuhan yang membolehkan kami memperluas capaian serta menawarkan penyelesaian inovatif yang bertumpukan pelanggan,” tambah Mohd Muazzam.

Strategi pertumbuhan perniagaan Bank Islam bagi tahun 2025 memberi keutamaan pada pengembangan perkhidmatan pengurusan kekayaan, Ar-Rahnu dan pertukaran wang asing, di samping memperkukuhkan kerjasama dengan anak-anak syarikatnya iaitu BIMB Investment Management Berhad dan BIMB Securities Sdn Bhd. Pada masa sama, Kumpulan akan meneruskan usaha pengambilalihan aset dalam sektor hijau, mampan dan berpotensi tinggi bagi menyelaraskan pertumbuhan perniagaan dengan agenda kemampanannya.

Seiring dengan perkembangan industri kewangan, Bank Islam fokus terhadap perbankan yang bertanggungjawab dan pertumbuhan jangka panjang yang mampan, memperkukuhkan kepimpinan dalam memajukan ekosistem kewangan yang lebih inklusif, teguh dan bersedia untuk masa depan.

Inovasi Berimpak, Pengembang Beriltizam

- Bank Islam mencatatkan RM25.7 bilion dalam pembiayaan mampan dan aset perbendaharaan, seterusnya mencerminkan skop yang lebih luas dan integrasi yang lebih mendalam terhadap prinsip-prinsip ESG dalam operasi kami.
- Menjadi bank pertama di Malaysia yang menganugerahkan pensijilan kepada 86 Penasihat Kewangan Hijau Bertauliah, satu pencapaian penting yang diraih melalui kerjasama dengan Asian Banking School (ABS).
- Mewujudkan Polisi Kemampanan Kumpulan, yang mengandungi Polisi Pendedahan Kemampanan dan Iklim. Dasar yang diwujudkan bermatlamat untuk memperkukuhkan tadbir urus Bank Islam berkaitan amalan ESG.
- Bank Islam tersenarai dalam Indeks Syariah FTSE4Good Bursa Malaysia dan FTSE4Good Bursa Malaysia, mencerminkan kemajuan yang dicapai dalam inisiatif kemampanan dan yang memberi manfaat terhadap iklim.
- Komitmen Bank Islam terhadap kecemerlangan ESG diiktiraf dengan peningkatan penarafan FTSE4Good sebanyak 3.5 pada tahun 2024 berbanding 3.3 pada tahun 2023.
- Didorong oleh sambutan positif, produk pelaburan impak berasaskan nilai, Akaun Pelaburan Kelestarian Ihsan (ISIA) 2.0, dilancarkan untuk menawarkan saluran unik bagi pelaburan bermakna dalam aset pembiayaan yang selaras dengan UNSDG dan memberi sumbangan impak sosial melalui zakat atau Sadaqa House.
- Menandakan pencapaian penting dalam perjalanan transformasi digital Bank Islam, aplikasi perbankan BIMB Mobile dan platform perbankan dalam talian BIMB Web dilancarkan pada November 2024. Kadar penerimaan adalah tinggi, dengan 80% pelanggan telah beralih ke platform baharu setakat ini.

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan runcit dan kewangan korporat yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat. Bank Islam komited terhadap kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG dan merupakan peserta rasmi Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei. Anak-anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam, BIMB Investment dan BIMB Securities menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham. Untuk maklumat lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari www.bankislam.com.

Sila e-mel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di media@bankislam.com.my untuk mendapatkan maklumat tambahan.